

Kuat kuasa undang-undang sedia ada kawal selia Internet



**MUZAFFAR
SYAH MALLOW**

DENGAN jumlah pengguna Internet di Malaysia yang melebihi 20 juta, secara realitinya agak sukar untuk melakukan kawalan terhadap media komunikasi terbitan seperti yang ingin dicadangkan.

Namun begitu, usaha untuk melaksanakan satu standard antarabangsa bagi mengawal selia Internet adalah amat baik memandangkan isu-isu yang melibatkan penyalahgunaan Internet dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa seperti jenayah siber, fitnah, sebaran maklumat palsu yang boleh menjejaskan kesejahteraan serta ketenteraman masyarakat terutamanya masyarakat majmuk seperti yang ada di Malaysia.

Oleh itu, adalah penting usaha dilakukan bagi memastikan Internet tidak terus disalahgunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara.

Pada masa kini juga sudah wujud pelbagai jenis undang-undang yang boleh digunakan bagi mengawal selia penggunaan Internet dalam negara kita seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286), serta Kanun Keseksaan (Akta 574).

Seksyen 233 (1) Akta 588 misalnya telah memperuntukkan bahawa seseorang yang menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar membuat, mewujudkan atau meminta-minta dan memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, men-



SEBAGAI langkah pengawalan penggunaan internet, pihak kerajaan juga telah melakukan pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang melibatkan prosedur perundangan bagi proses pembuktian jenayah Internet termasuklah aplikasi Facebook.

gugat atau mengganggu orang lain atau memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau sebaliknya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik adalah melakukan kesalahan.

Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 233 ini apabila disabitkan dengan kesalahan terbitan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitkan.

Sebagai langkah pengawalan penggunaan Internet, pihak kerajaan juga telah melakukan pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang melibatkan prosedur perundangan

bagi proses pembuktian jenayah Internet termasuklah aplikasi laman sosial Facebook.

Pindaan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 18 April 2012 dan mula berkuatkuasa mulai 31 Julai 2012 yang lalu. Pindaan Akta 56 terbitan telah dilakukan dengan penambahan Seksyen 114A yang bertajuk "Andaian Fakta dalam Penerbitan".

Seksyen 114A terbitan boleh digunakan pakai dalam kes jenayah dan juga sivil, mengandaikan bahawa pemilik, pengendali, hos, editor, pelanggan sesebuah rangkaian atau laman web, atau pemilik komputer atau peralatan mudah alih dianggap bertanggungjawab menyiarkan atau mengulang siar isi kandungan yang terdapat pada rangkaian, laman web atau peralatan terbitan.

Tujuan utama pindaan ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti individu yang bertanggungjawab ke atas penyiaran dan penyebaran bahan berunsur hasutan di Internet termasuk Facebook.

Baru-baru ini terdapat cadangan untuk melakukan pindaan terha-

dap Akta 588 terbitan pada sidang Parlimen yang akan datang pada Oktober ini.

Pindaan terhadap Akta 588 terbitan dilakukan sebagai satu usaha yang komprehensif bagi menangani masalah jenayah siber serta salah guna siber yang dilihat semakin menjadikannya semakin kebelakangan ini oleh penjenayah siber seperti penyebaran berita-berita palsu, fitnah, serta penipuan.

Ini termasuklah juga bagi membendung ancaman pengaruh yang datang daripada kumpulan-kumpulan penganas serta berbentuk militan yang dilihat berlaku dalam alam maya.

Walau apa pun yang ingin dilakukan, adalah penting bagi pihak Kementerian yang terlibat berbincang dengan pihak-pihak berkaitan dalam negara bagi memastikan keberkesanan pindaan terbitan sebelum dilaksanakan kelak.

Walaupun apa bentuk pun pindaan yang ingin dilakukan terhadap mana-mana undang-undang sedia ada kelak, langkah yang paling penting sekali bagi membendung penyalahgunaan Internet ialah melalui proses pendidikan berterusan serta penerangan mengenai akibat daripada penyalahgunaan Internet dalam negara kita.

Pihak-pihak berkaitan dengan isu terbitan seperti pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain agensi hendaklah saling bekerjasama secara berterusan dengan memberi didikan dan kesedaran kepada seluruh anggota masyarakat untuk lebih bertanggungjawab ketika menggunakan kemudahan Internet.

DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).